

# Aset nelayan asing bernilai RM2j dirampas

**BACHOK** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Kelantan merampas aset bernilai RM2 juta daripada nelayan asing yang mencero boh perairan negeri ini merangkumi bot, peralatan menangkap ikan dan hasil tangkapan dari Januari tahun ini sehingga kelmarin.

Pemangku Pengarah Maritim Kelantan, Komander Maritim Ismail Hamzah berkata, dalam tempoh sama, seramai 17 nelayan asing ditahan kerana menangkap ikan secara haram di perairan negeri ini.

“Kesemua nelayan warga Vietnam itu didakwa di bawah Akta Perikanan 1985.

“Kita menahan bot-bot nelayan asing ini dalam jarak 60 hingga 100 batu nautika dari kuala Tok Bali,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Maritim Kelantan dan Malam Apresiasi Media di Dewan AD Banquet And Catering di Padang Melintang malam kelmarin.



**Ismail (empat dari kiri) memotong kek sebagai meraikan anggota Maritim yang menyambut hari ulang tahun kelahiran bulan April, Mei dan Jun.**

Turut hadir Timbalan Pengerusi Kumpulan Media Karangkrif, Datuk Muhammad Nasir Hamzah.

Dalam majlis tersebut, Ismail turut menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil-wakil media yang hadir.

Katanya, peningkatan ketara kes pencerobohan nelayan asing bermula Mei lalu dan dijangka menurun selepas Julai nanti.

Menurutnya, tempoh tersebut adalah disebabkan terdapat banyak ikan dan sotong di perairan Kelantan, Terengganu dan Pahang.

“Maritim Kelantan mempertingkatkan kawalan bagi mengekang kes pencerobohan nelayan asing dan rondaan diadakan secara berterusan termasuk pada musim perayaan.

“Seramai 147 anggota berada di laut secara berjadual, ini bermakna rondaan dibuat 24 jam sehari,” katanya.

Beliau berharap orang ramai khususnya komuniti setempat terus memainkan peranan dengan melaporkan kes pencerobohan kepada Maritim.